

# Langkah selaras pelajaran agama

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam untuk menyelaraskan pelajaran dan pendidikan agama Islam di Sekolah-Sekolah Agama Negeri dan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat seluruh negara.**

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam selaku Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia mengumumkan ini setelah mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di sini hari ini.

Beliau menerangkan, penubuhan lembaga itu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu.

"Menerusi lembaga ini, kami akan membuat kajian atau syor perlu untuk menyingkikan mutu pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah agama supaya pelajar-pelajar yang lulus layak menjawat jawatan guru agama dan pegawai agama, ataupun melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri," ujarnya.

Untuk mencapai matlamat itu, menurut beliau, lembaga itu akan mengadakan latihan khusus untuk guru-guru agama yang sedang mengajar bagi meninggikan kebolehan dan kemampuan mereka, supaya mutu pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah agama itu terjamin.

Di samping itu, katanya, ia juga akan memberi khidmat nasihat kepada Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri mengenal berbagai aspek pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah berkenaan.

"Antara tanggungjawab yang akan dijalankan ialah menyalurkan apa-apa bantuan atau pemberian untuk faedah sekolah-sekolah dengan saksama, mengadakan sukatan pelajaran dan kurikulum pelajaran agama, menentukan buku-buku teks, mengatur dan mengawal peperiksaan serta mengeluarkan sijil kelulusan peperiksaan bagi sekolah-sekolah agama negeri dan rakyat," katanya lagi.

## **Khidmat nasihat**

Untuk itu, tambahnya, lembaga itu juga akan melantik sebuah Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum, sebuah Jawatankuasa Buku Teks dan sebuah Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan.

Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri menjadi urusetia lembaga ini, yang dianggotai oleh seorang pengerusi, naib pengerusi, seorang wakil dari setiap negeri, seorang wakil Universiti Kebangsaan Malaysia, seorang wakil Universiti Malaya, seorang wakil Kementerian Pelajaran, seorang pakar dalam bidang pelajaran dan pendidikan agama Islam dan Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia.



**DATUK MUSA HITAM**